



PENANG
2030



Jom Kita
“Aktif Jimat Air”
Hari Air Sedunia Pulau Pinang 2026





Gunakan Air Dengan Berhemat. Jom “aktif jimat air” di Pulau Pinang.

- Pulau Pinang adalah negeri yang mengalami tekanan air. Namun, penggunaan domestik per kapita kita adalah 267 liter/kapita/hari (LKH) pada tahun 2025. Ia adalah yang tertinggi di Malaysia. Pada tahun 2024, purata kebangsaan bagi Malaysia adalah 225 LKH. Singapura melaporkan 142 LKH untuk tahun 2024.
- Pada 2025, penggunaan air domestik adalah sebanyak 55.7% (482 JLH) daripada jumlah penggunaan air di Pulau Pinang. Ini menunjukkan bahawa isi rumah menggunakan jumlah air yang lebih banyak berbanding kilang-kilang, pusat membeli-belah, premis perniagaan dan pejabat-pejabat kerajaan.
- Peka dengan status tekanan air di Pulau Pinang dan bercakap mengenai “isu air Pulau Pinang itu adalah baik, tetapi bertindak untuk mengatasinya adalah lebih baik.
- Rakyat Pulau Pinang boleh “aktif jimat air” dengan menggunakan air secara berhemat di rumah. Dengan “aktif jimat air” juga dapat membantu anda menjimatkan bil air isi rumah.





Bagaimana cara “aktif jimat air”?

Tidak sukar untuk “aktif jimat air”. Amalkan petua penjimatan air secara bijak hari ini:

- Elakkan membiarkan paip air mengalir. Buka paip hanya apabila anda bersedia untuk membilas.
- Didik anak-anak anda untuk menutup paip dengan betul. Jangan galakkan mereka bermain dengan air daripada paip atau hos secara tidak perlu.
- Elakkan menggunakan hos untuk menyiram taman atau tanaman. Gunakan tin penyiram sebagai alternatif.
- Elakkan menggunakan hos untuk menyembur air ketika mencuci kereta atau motorsikal. Sebaliknya, sila gunakan baldi, span dan/ atau kain.
- Kurangkan kekerapan mencuci kenderaan anda. Jika boleh, cukup sekadar mengelap kotoran..
- Jangan biarkan kebocoran air tanpa tindakan. Sila baiki segera semua paip dan pili yang bocor.





Bagaimana cara “aktif jimat air”?

- Jangan gunakan hos untuk membersihkan rumah dan halaman anda. Gunakan mop, penyapu, penyodok dan/atau pembersih hampagas.
- Pasang ‘peranti penjimatan air’ (WSD) untuk membantu anda menjimatkan air setiap kali penggunaan. WSD merangkumi alat paip dan pancuran mandi, sistem tandas dwi-siraman, serta mesin basuh.
- Elak buang sampah ke dalam tandas. Sila buang bahan buangan ke dalam tong sampah.
- Didik anak-anak anda untuk melakukan seperti anda lakukan. Amalan “aktif jimat air” bermula dari rumah, dan mereka boleh membantu anda jimatkan air.
- Sekiranya anda mengesan paip pecah atau kebocoran paip, sila laporkan kepada Pusat Panggilan 24 jam PBAPP atau hantar mesej ke Akaun WhatsApp Business (WABA) PBAPP. **Nombor untuk panggilan suara atau mesej teks adalah sama: +604 255 8 255.”**



Apakah sasarannya?

- Sasaran adalah untuk mengurangkan penggunaan air domestik per kapita daripada 267 liter per kapita sehari (LKH) pada tahun 2025 kepada 250 LKH pada tahun 2026 di Pulau Pinang. Pengurangan penggunaan air domestik secara berperingkat adalah lebih wajar.
- Dengan mengurangkan penggunaan air di rumah, kita dapat mengurangkan tekanan air di Pulau Pinang, terutama ketika musim panas dan kering yang berpanjangan.
- Mainkanlah peranan anda untuk memastikan kecukupan bekalan air di negeri kita.
- Pastikan “aktif jimat air” dengan menggunakan air secara berhemat di rumah. Sokong usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP ke arah mencapai jaminan bekalan air untuk Pulau Pinang, kini dan pada masa hadapan.

